

# UPMKB anjurkan Festival Tarian Kreatif Etnik Borneo pada 2-3 Dis

**BINTULU:** Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Kesenian, Industri Kreatif dan Persembahan Sarawak (MTCP) akan menganjurkan Festival Tarian Kreatif Etnik Borneo (EthDance) 2023 pada 2 dan 3 Disember depan.

Festival dua hari yang berlangsung di Dewan Sri Kenyalang UPMKB itu nanti dijangka disertai oleh kumpulan atau penggiat seni tari yang terdapat di Bintulu.

Sehubungan itu, bagi sesiapa yang berminat menyertai pertandingan boleh memuat turun syarat dan borang penyertaan di laman sesawang

<http://ethdance2023.upm.edu.my/> atau laman sesawang <https://btu.upm.edu.my/>.

Borang penyertaan bagi mengikuti pertandingan hendaklah dihantar selewat-lewatnya atau sebelum 17 November.

Untuk pertanyaan atau keterangan lanjut berhubung festival boleh menghubungi Rosidah Basir menerusi talian 019-2762004 atau e-mel ke ([rosidahbasir@upm.edu.my](mailto:rosidahbasir@upm.edu.my)), Asniar Salim di talian 013-8041030 ([asniar@upm.edu.my](mailto:asniar@upm.edu.my)), Veronica Edmund Dana di talian 014-8999923 ([veronica@upm.edu.my](mailto:veronica@upm.edu.my)) atau Masna Suhaili di talian 012-8797212 ([masna@upm.edu.my](mailto:masna@upm.edu.my)).